

NO SOALAN : 34

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI
(LABUAN)**

**TARIKH : 12.3.2015
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menghadapi ancaman keselamatan masa kini yang agak berlainan daripada yang kita hadapi selama ini, seperti IS.

64

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menitik-beratkan segala isu bersangkutan dengan ancaman keselamatan negara dan tidak sekali-kali memandang ringan pengaruh yang dibawa oleh IS. Aktiviti militan IS adalah bersifat "*Non-Traditional*" dan mana-mana pergerakan yang cenderung terhadap kumpulan militan tersebut sama ada di dalam atau luar negara berpotensi memporak-perandakan tahap keselamatan negara untuk jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang.

Sepertimana yang telah sedia maklum, Kerajaan mengambil pelbagai usaha dan langkah bagi mengekang, menghalang dan mencegah pengaruh IS terhadap rakyat sama ada secara preventif ataupun punitif. Dalam hal ini, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) juga sentiasa siap siaga dan berupaya untuk menghadapi semua spektrum ancaman termasuk "*Non Traditional Threat*" yang dilaksanakan dengan konsep "*Operation Other Than War*" (OOTW).

Bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan perpaduan kaum sentiasa terpelihara, kerajaan sedang berusaha untuk memperkukuhkan aspek perundangan dengan mewujudkan rang undang-undang anti keganasan dan lain-lain rang undang-undang yang berkaitan bagi mengekang ancaman seperti IS.

Seiringan dengan ini, aspek kesedaran di kalangan orang awam juga dititik beratkan. Bagi merealisasikan hasrat ini, program-program kesedaran telah dijalankan oleh pihak ATM serta agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) serta agensi lain yang berkaitan. Langkah ini bertujuan untuk mendedahkan risiko bahayanya menyokong perjuangan IS yang boleh menjejaskan integrasi nasional dan keselamatan negara serta membetulkan semula kefahaman masyarakat dalam isu berkaitan jihad.